

HARIAN METRO 3-03-2008 MYS V3.

# Peranan kokurikulum luas

Ibu bapa jangan bersikap pasif terhadap penyertaan pelajar dalam kegiatan luar bilik darjah

**U**SAHA mengeratkan semangat muhibah di kalangan pelajar pelbagai kaum di peringkat sekolah rendah bukan saja dapat melahirkan rakyat prihatin malah menzahirkan perpaduan kukuh.

Justeru, penubuhan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (Rimup) oleh Kementerian Pelajaran bagi mengukuhkan jalinan murni antara kaum di negara ini.

Program itu berupaya merapatkan jurang pemikiran, budaya dan sosial di kalangan pelajar. Ia wadah tepat bagi membentuk persefahaman dan berkongsi kegembiraan.

Persefahaman juga boleh diwujudkan melalui pelbagai aktiviti kokurikulum di sekolah. Landasan itu boleh membantu membentuk perpaduan serta permuafakatan antara pelajar selain membina kepercayaan diri untuk bergaul dan bekerjasama antara satu sama lain.

Inilah inspirasi kerajaan untuk melahirkan modal insan cemerlang di kalangan generasi muda dengan mengimbangi akademik dan kurikulum.

Bagaimanapun, ada segelintir ibu bapa tidak faham malah menumpukan lebih pada kejayaan akademik. Mereka hanya mahu anak-anak mendapat kejayaan cemerlang tapi tidak menyadari kejayaan itu bukan dalam satu aspek semata-mata.

Jika anak berjaya dalam akademik, namun pasif dalam pergaulan sosial, ia tidak memberi sebarang makna kerana kejayaan hakiki kemampuan mengimbangi tuntutan ilmu, sosial, ekonomi, budaya dan masyarakat.

Ilmu bukan saja boleh disampaikan dalam bilik darjah tapi pelbagai cara. Aktiviti kokurikulum boleh melahirkan pelajar berdisiplin tinggi. Ini juga satu cabang ilmu iaitu mematuhi arahan peraturan dan ketua.

Setiap generasi muda akan menempuh masa depan sukar dan berdepan era globalisasi. Jika diterapkan disiplin tinggi, tentu tidak sukar memiliki ketahanan diri, cekal dan rasa tabah menghadapi cabaran.

Ini membolehkan mereka menangkis setiap gejala negatif dan membuat penilaian bijaksana.

Ini satu ilmu dalam aspek meneguhkan keperibadian. Masalah gejala sosial di kalangan remaja disebabkan ibu bapa, anak dan institusi masyarakat tidak memahami peranan masing-masing selain pendekatan salah menyelesaikan masalah.

Justeru, masyarakat perlu memahami dan menyokong aktiviti kokurikulum kerana matlamat akhirnya untuk kebaikan semua.

Jangan bersikap pasif dengan memberikan pandangan serong terhadap penyertaan pelajar

## >Profil



**NAMA:** Puziah Abd Jailil  
**ASAL:** Melaka  
**UMUR:** 42 Tahun  
**PENDIDIKAN:** Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Malaya (1999) dan Ijazah Sarjana Sains Universiti Putra Malaysia (2004)  
**JAWATAN:** Ketua Guru Penasihat Pasukan Kadet SMK Puteri Seremban/ Pegawai Hal Ehwal Wanita Kor Kadet Polis Negeri Sembilan

dalam kegiatan luar bilik darjah.

Kegiatan kokurikulum perlu diurus dan dilaksanakan dengan baik. Ketiadaan kebolehan akan mempengaruhi corak pengendalian dan memberi impak kepada semua pihak.

Masyarakat perlu bersikap peka dan terbuka, memberi dorongan serta jangan memandang serong kerana ia boleh 'membunuh' hubungan dan usaha dilakukan.



**BERDISIPLIN...**aktiviti kokurikulum bukan saja memupuk disiplin tinggi tapi memberi pendedahan terhadap tanggungjawab.

Mereka perlu menjadi pembimbing, menegur secara berhemah dan sentiasa memaafkan kesalahan. Gunakan psikologi dan pendekatan bersesuaian bagi mengambil hati golongan muda.

Jika semua pihak bersatu, usaha melahirkan generasi berketrampilan dan cemerlang pasti berjaya. Adakah sudah berada di landasan betul atau sebaliknya?



Universiti Teknologi Malaysia

**BATC**  
Business & Advanced  
Technology Centre

Memperkenalkan

**Eksekutif Diploma  
Pengurusan Perniagaan  
Kejuruteraan**